

08/06/1999

Pakatan pembangkang tiada arah: Mahathir (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Parti pembangkang ingin meniru konsep Barisan Nasional (BN), tetapi rancangan mereka itu bukan bertujuan untuk kebaikan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, mereka hanya ingin memenangi pilihan raya. Justeru, apabila pilihan raya sudah hampir maka mereka akan sibuk membentuk kerjasama antara parti-parti mereka.

"Kerjasama ini bukan kerjasama yang serius dan bermakna. Sebaliknya, setiap parti mempunyai agenda tersendiri yang tidak secocok dengan hasrat rakan mereka," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, niat pembangkang ialah untuk mengabui mata rakyat dengan gambaran bahawa mereka adalah alternatif yang serius.

"Percayalah mereka tidak pun dapat bekerjasama semasa pilihan raya, jauh sekali selepas kemenangan yang mereka harapkan. Mereka akan bercakaran sesama sendiri," katanya.

Menurut Perdana Menteri, parti pembangkang amat marah apabila dituduh bahawa `kerajaan Islam' mereka akan menidakkan hak orang bukan Islam dan `Malaysian Malaysia' akan menggugat hak dan kedudukan Bumiputera.

"Mereka ingin mendakwa di mahkamah sesiapa yang menuduh (bahawa) ini adalah niat mereka. Tetapi kenapakah apabila mereka mengisytihar hasrat mereka, mereka tidak jelaskan tujuan mereka secara terang.

"Jika Malaysian Malaysia II tidak punyai tujuan yang membawa rusuhan kaum pada 1969, kenapakah mereka tidak berkata awal-awal lagi secara terang dan jelas?" tanya Dr Mahathir.

Mengenai cadangan parti pembangkang supaya jawatan perdana menteri digilirkan antara pemimpin empat parti pembangkang, Perdana Menteri berkata, negara akan mempunyai kerajaan dipimpin empat parti yang berbeza pemimpin dan pendapat.

Katanya, setiap parti akan memerintah selama 15 bulan bermula dengan sebuah `kerajaan Islam' pimpinan Pas, diikuti kerajaan `Malaysian Malaysia' (DAP), yang ketiga kerajaan pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail (Parti Keadilan Nasional) dan keempat pimpinan Syed Husin Ali (Parti Rakyat Malaysia).

"Jika ini berlaku kerajaan (pembangkang) akan bercakaran sesama sendiri kerana belum sempat Pas melaksanakan konsep negara Islam, DAP pula melaksanakan hasrat `Malaysian Malaysia'.

"KeADILan yang dipimpin Wan Azizah hanya berhasrat membebaskan suaminya saja, manakala PRM pula melaksanakan dasar sosialis," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin mendedahkan bahawa gabungan parti pembangkang sedang menimbang untuk membolehkan pemimpin daripada setiap parti pembangkang memegang jawatan perdana menteri secara bergilir-gilir jika memenangi pilihan raya umum akan datang.

Menjawab soalan sama ada hanya Melayu yang layak menjadi perdana menteri di negara ini, Dr Mahathir berkata: "Tiada peruntukan sedemikian dalam perlembagaan. Saya hanya mematuhi perlembagaan."

Dalam Artikel 43, Perlembagaan Malaysia tidak menyatakan jawatan Perdana Menteri mesti dipegang oleh orang Melayu atau seorang Muslim, sebaliknya jawatan berkenaan boleh dipegang oleh rakyat warga Malaysia yang menjadi ahli Dewan Rakyat dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong serta memperoleh kepercayaan majoriti ahli dewan.

Mengenai tempoh berkempen, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan memperuntukan tempoh yang panjang ketika pilihan raya untuk mengelak berlaku ketegangan.

"Kempen tidak harus terlalu panjang kerana kita sudah ada pengalaman pada 1969," katanya sambil menambah kerajaan tidak perlu merujuk kepada pembangkang untuk melantik pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menurut Perdana Menteri, banyak pengundi didaftarkan di luar tempat tinggal mereka dan apabila dikemukakan bantahan kepada SPR, mereka berjanji menyiasat.

"Saya tidak menuduh sesiapa melakukan ini tetapi sebahagian daripada orang yang dilantik SPR untuk mendaftar pengundi baru ada memihak," katanya.

(END)